

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 12 September 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PERANGKAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA

JULAI 2025

Pengeluaran getah asli Malaysia meningkat 36.7 peratus pada Julai 2025

PUTRAJAYA, 12 September 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, Julai 2025**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, pengeluaran getah asli meningkat 36.7 peratus pada Julai 2025 (35,884 tan metrik) berbanding pada Jun 2025 (26,249 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli menurun 5.5 peratus (Julai 2024: 37,960 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada Julai 2025 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (86.8%) berbanding sektor estet (13.2%).

Jumlah stok getah asli pada Julai 2025 meningkat 1.6 peratus kepada 171,061 tan metrik berbanding 168,448 tan metrik pada Jun 2025. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 85.1 peratus diikuti kilang pengguna getah (14.8%) dan estet getah (0.1%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 37,198 tan metrik pada Julai 2025, meningkat 25.2 peratus berbanding Jun 2025 (29,719 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu menyumbang 47.3 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Julai 2025 diikuti Jerman (15.0%), India (6.7%), Amerika Syarikat (6.1%) dan Mesir (3.0%). Prestasi eksport disumbangkan

oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub dan benang getah. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM1.3 billion pada Julai 2025, meningkat 49.3 peratus berbanding Jun 2025 (RM0.9 billion).

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan peningkatan iaitu 2.3 peratus (Julai 2025: 571.30 sen sekilogram; Jun 2025: 558.66 sen sekilogram) manakala Sekerap meningkat sebanyak 4.0 peratus (Julai 2025: 586.68 sen sekilogram; Jun 2025: 564.13 sen sekilogram). Trend harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula menunjukkan peningkatan antara 2.3 peratus dan 8.8 peratus. *The World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) meningkat 4.4 peratus daripada USD1.61/kg kepada USD1.68/kg dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) meningkat 3.3 peratus daripada USD2.16/kg kepada USD2.23/kg.

Menurut *Malaysia Rubber Board Digest* keluaran Julai 2025, Pasaran Getah Kuala Lumpur dilihat meningkat pada Julai sebelum beransur-ansur menurun menjelang akhir bulan. Peningkatan sepanjang bulan ini didorong oleh faktor-faktor antaranya keseimbangan bekalan getah asli berikutan hujan lebat di wilayah pengeluar utama, peningkatan permintaan, kemajuan positif dalam perjanjian perdagangan Amerika Syarikat dan keyakinan terhadap usaha rangsangan China. Sentimen pasaran juga meningkat oleh permintaan getah sederhana yang dijangkakan oleh Persatuan Negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) dan perkembangan dalam industri automobil global.


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli Julai 2024, Jun - Julai 2025
(‘000 tan metrik)



Carta 2: Import dan eksport bagi getah asli Julai 2024, Jun - Julai 2025
(‘000 tan metrik)



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
11 SEPTEMBER 2025